

## RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

### NO. RAYUAN TRK (J) 8-2014

#### FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 29 Julai 1989.
2. Perayu menjalankan perniagaan mengilang bahan pencuci (*washing detergent*) jenama *Dynamo* sejak tahun 2008. Bahan pencuci ini tertakluk kepada cukai jualan 10% dan dijual di pasaran tempatan di Malaysia. Bil pembayaran (invois) bagi bayaran tersebut dibuat dalam mata wang US. Mulai tahun 2008, pertukaran mata wang US kepada mata wang Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa mata wang asing yang ditetapkan oleh Bank Negara.
3. Pada bulan April 2013 Perayu telah dimaklumkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pahang bahawa Perayu tidak boleh menggunakan kadar pertukaran mata wang asing yang ditetapkan oleh Bank Negara untuk tujuan menentukan cukai jualan yang kena dibayar tetapi hendaklah menggunakan kadar pertukaran mata wang asing yang dikeluarkan oleh JKDM pada kadar import. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan ini dan telah membuat rayuan kepada Ibu Pejabat JKDM, Putrajaya pada 30 Julai 2013.
4. Pada 31 Oktober 2013 JKDM, Pahang telah mengeluarkan Bil Tuntutan di bawah seksyen 30 Akta Cukai Jualan 1972 untuk menuntut cukai jualan sebanyak RM231,300.56 dan penalti sebanyak RM115,650.28 bagi tempoh pengauditan September 2010 hingga Ogos 2013. Tuntutan ini dibuat kerana terdapat kurang bayar cukai jualan berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing Bank Negara.

5. Pada 30 April 2014 Ibu Pejabat JKDM, Putrajaya memaklumkan Perayu bahawa rayuan bertarikh 30 Julai 2013 telah dikaji semula dan Ketua Pengarah Kastam (KPK) memutuskan bahawa kadar pertukaran mata wang asing yang perlu diguna pakai untuk tujuan penentuan cukai jualan yang kena dibayar semasa invoice dikeluarkan atas barangan yang dikilang di Malaysia adalah kadar pertukaran mata wang asing yang dikeluarkan oleh JKDM pada kadar import.
6. Perayu telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 18 Jun 2014 mempertikaikan keputusan KPK bertarikh 30 April 2014 di atas alasan bahawa kadar pertukaran mata wang asing import Kastam digunakan bagi pengimportan barangan ke Malaysia dan bukan bagi barangan yang dikilang di Malaysia. Mengikut Perayu, bagi barangan yang dikilang di Malaysia, kadar pertukaran mata wang asing yang digunakan sepatutnya mengikut kadar pertukaran mata wang asing Bank Negara Malaysia atau bank komersial bagi tujuan menentukan cukai jualan yang kena dibayar dalam mata wang Ringgit Malaysia.
7. Dalam Notis Rayuan, Perayu memohon supaya keputusan KPK bertarikh 30 April 2014 dibatalkan. Di dalam surat bertarikh 18 Jun 2014 wakil Perayu telah memaklumkan Tribunal bahawa Perayu telah membayar cukai jualan dan penalti yang dituntut dan memohon supaya cukai jualan yang terlebih bayar dan jumlah penalti dikembalikan kepada Perayu.

## **ISU**

Sama ada perkiraan cukai jualan bagi barangan yang dikilang di Malaysia bagi tujuan pembayaran cukai jualan dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing import Kastam atau kadar pertukaran mata wang asing yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atau bank komersial.

(Pada tarikh sebutan 17 Disember 2014, Responden berhujah bahawa KPK melalui surat bertarikh 3 Oktober 2014 telah menyelesaikan isu yang dipertikaikan oleh Perayu di mana ia menepati pendirian Perayu dalam menentukan kadar pertukaran mata wang asing yang perlu digunakan bagi pembayaran cukai jualan. KPK telah memutuskan “... *kadar pertukaran mata wang asing yang perlu diguna pakai untuk tujuan menentukan cukai jualan yang kena dibayar semasa invois dikeluarkan atas barangan yang dikilang di Malaysia adalah Kadar Pertukaran Mata Wang Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu pada daily selling rate*”. Berdasarkan keputusan tersebut, JKDM, Pahang akan membuat pulangan balik cukai jualan yang terlebih bayar dan penalti kepada Perayu. Perayu setuju keputusan KPK tersebut telah menyelesaikan rayuan ini)

## **KEPUTUSAN**

Rayuan dibatalkan.

17 Disember 2014